UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

INSTITUT KAJIAN MALAYSIA DAN ANTARABANGSA • *INSTITUTE OF MALAYSIAN AND INTERNATIONAL STUDIES*

UKM.IKM. 600-4/6/1:P 125777
5 Disember 2025

YBHG. PROF. DR. BAHAROM ABDUL HAMID
INCEIF University
Blok B, Lot 41, Seksyen 51
Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

YBhg. Prof.,

PELANTIKAN SEBAGAI PEMERIKSA LUAR UNTUK MENILAI TESIS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH – SAUDARI QI WEIRU (P125777)

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) telah bersetuju melantik YBhg. Prof. sebagai Pemeriksa Luar bagi tesis pelajar Qi Weiru (P112577) seorang calon ijazah Doktor Falsafah di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS).

Sehubungan itu, sukacita sekiranya YBhg. Prof. dapat memaklumkan kepada kami sama ada bersetuju atau sebaliknya untuk menerima perlantikan ini .dengan mengembalikan Borang Jawapan selewat-lewatnya **12 Disember 2025** (sitiradhiah@ukm.edu.my).

YBhg. Prof. adalah dipohon untuk menyerahkan laporan pemeriksaan tesis tersebut pada atau sebelum **19 Januari 2026**. Laporan pemeriksaan tesis yang akan diserahkan seharusnya mengandungi rumusan sama ada tesis calon tersebut layak atau tidak dianugerahkan ijazah serta aspek-aspek lain yang tidak dinyatakan dalam panduan tersebut. Saya juga mengambil kesempatan memaklumkan kepada YBhg. Prof. bahawa tentatif peperiksaan lisan (VIVA) pelajar akan diadakan pada **26 Januari 2026**.

Bersama-sama ini dilampirkan perkara berikut untuk makluman dan tindakan YBhg. Prof.;

i. Senaskah tesis calon tersebut di atas tujuan pemeriksaan
ii. Borang jawapan penerimaan pelantikan sebagai Pemeriksa Luar
iii. Panduan penyediaan laporan penilaian tesis; dan
iv. Perakuan penilaian tesis oleh Pemeriksa Luar

Untuk makluman YBhg. Prof. pihak Universiti akan membayar honorarium sebanyak RM750.00 sebagai penghargaan atas pemeriksaan tesis tersebut. Kerjasama YBhg. Prof. dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.